

07 JAN 1997

Mahathir-kontraktor

PERDANA MENTERI BIDAS KONTRAKTOR TIDAK PEGANG JANJI

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas kontraktor yang gagal menyiapkan projek sekolah dan projek awam lain mengikut jadual kerana ini membebankan rakyat.

Katanya, mereka harus menyiapkan projek-projek itu kerana mereka mengikat perjanjian dengan kerajaan.

"Jika kerajaan tamatkan kontrak mereka, kontraktor akan membuat pelbagai tuntutan dan bila ia membabitkan tindakan mahkamah, kerja-kerja menyiapkan projek itu terus tergendala dan tidak dapat disediakan," katanya kepada pemberita selepas melawat projek RM2 bilion Mines Resort City di Sungai Besi, di sini.

Dr Mahathir berkata kerajaan memandang serius kelewatan dalam menyiapkan projek awam terutamanya sekolah kerana ini menimbulkan pelbagai masalah.

Beliau berkata demikian semasa diminta mengulas mengenai laporan akhbar mengenai kelewatan pembinaan sekolah-sekolah baru di beberapa negeri menyebabkan pelajar menghadapi masalah untuk belajar bila sesi persekolahan bermula Ahad lepas.

Dr Mahathir berkata kontraktor tempatan terutamanya Bumiputera perlu belajar cara pengurusan baik kerana ia menjamin projek perniagaan siap cepat.

"Bila projek siap cepat, kontraktor dapat pulangan pelaburan dan jika projek mengambil masa panjang untuk siap kontraktor perlu menanggung beban hutang bank yang perlu dibayar tanpa memperoleh sebarang pulangan," katanya.

Katanya, pengurusan baik penting sebab pembinaan sesuatu bangunan memerlukan kerja integrasi jika tidak projek itu tidak dapat dilaksanakan dalam jangka masa pendek yang ditetapkan.

"Dulu dalam membina sesuatu bangunan yang tidak begitu tinggi kadang kala mengambil masa lapan tahun tetapi sekarang pembinaan bangunan seumpama itu boleh dibuat dalam tempoh tiga tahun," katanya.

"Pengurusan mesti baik, jika tidak, akan wujud gejala jalan pintas dan ini boleh mendatangkan bahaya," katanya.

Bagaimanapun, beliau yakin walaupun sesuatu projek itu kini dapat disiapkan dengan cepat namun elemen keselamatan tetap diberi keutamaan.

Semasa ditanya adakah sesuatu projek yang siap cepat dapat menjamin kualiti, Dr Mahathir berkata: "Walaupun kontraktor berlumba-lumba tetapi mengamalkan kerja cermat, ia masih boleh menjamin kualiti. Kualiti bukan kerana cepat atau lambat tetapi tekanan kepada pentingnya kualiti itu sendiri."

Mengenai projek Mines Resort City, Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan kemajuan kerja-kerja projek itu sejak beliau melawatnya pertama kali awal tahun lepas.

-- BERNAMA

ARA AHH